



MBI Diperkukuh, Strategi PMBI Diselaras

Syarah PMBI 2025 lahirkan pelapis kepimpinan negeri - Exco Penerangan

Pejabat Perikanan Negeri Kelantan serah 650 unit unjam, tingkat pendapatan nelayan

Kerjasama agensi penguatkuasa banteras penyeludupan sektor pertanian

Kelantan tegas pertahankan dasar MBI sebagai teras tadbir urus negeri

Oleh: Syamimi Manah

BANGI, 13 Oktober 2025 – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmen untuk terus berpegang teguh kepada dasar Membangun Bersama Islam (MBI) sebagai teras tadbir urus negeri, sekalipun berdepan arus liberalisme dan perubahan ideologi kepimpinan semasa.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata pendekatan berprinsip menjadi garis pemisah antara Kelantan dengan negeri lain yang lebih mudah tunduk kepada tekanan perubahan dasar semasa. "Kelantan membawa misi al-amru bil ma'ruf wan nahu 'anil munkar, serta seruan mendirikan solat dan menunaikan zakat sebagai asas kepada pembangunan negeri. Itulah yang membezakan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Sesi Townhall Pimpinan Kerajaan Negeri bersama Anak Kelantan di Perantauan yang berlangsung di Bangi pada Ahad.



Menurutnya lagi, walaupun pentadbiran negeri tetap berusaha memajukan ekonomi serta memperkasakan pembangunan fizikal seperti negeri lain, Kelantan mempunyai keutamaan yang lebih besar.

"Kerajaan Negeri menetapkan dua KPI utama, iaitu menjaga kebajikan rakyat dan memelihara hubungan baik dengan Allah SWT," jelasnya.

Beliau menyifatkan kritikan terhadap Kelantan yang dikatakan

ketinggalan dari aspek pembangunan infrastruktur sebagai bersifat separuh pandang.

"Mungkin ada yang melihat Kelantan seolah-olah gagal dalam pembangunan fizikal, namun dari sudut pembangunan Islam, kita sebenarnya sedang melangkah ke hadapan," tegasnya.

Program Townhall anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Persatuan Anak Kelantan di Perantauan Malaysia (PERAKAN) dan Ikatan Mahasiswa Darul Naim

“

Kelantan membawa misi al-amru bil ma'ruf wan nahu 'anil munkar, serta seruan mendirikan solat dan menunaikan zakat sebagai asas kepada pembangunan negeri. Itulah yang membezakan kita,”

(NAIM Kelantan) itu merupakan platform berkala bagi merapatkan hubungan pimpinan negeri dengan rakyat di luar Kelantan.

Tambahnya, program seumpama itu penting untuk mendengar suara perantau serta mengukuhkan jati diri rakyat Kelantan walau di mana mereka berada.

"Kita semua adalah anak kepada negeri kita. Di mana sahaja kita berada, sifat dan jiwa Kelantan itu tetap ada," ujarnya.



Tingkatkan intervensi holistik atasi krisis disiplin sekolah - Timbalan MB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Oktober — Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa generasi muda kini berdepan tekanan sosial, ketidakstabilan emosi dan kekosongan spiritual yang semakin meruncing.

“Sudah tiba masanya kerajaan melaksanakan intervensi yang lebih holistik dan strategik,” katanya n menerusi kenyataan rasmi, hari ini.

Menurutnya, isu disiplin pelajar yang berlaku hari ini tidak boleh dilihat sebagai masalah terencil, sebaliknya merupakan manifestasi

kelemahan sistem pendidikan yang terlalu menekankan pencapaian akademik semata-mata tanpa keseimbangan pembangunan rohani, emosi dan akhlak.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli turut menekankan kepentingan sistem sokongan di peringkat sekolah dengan memantapkan peranan Unit Kaunseling melalui latihan lanjutan dalam intervensi psikososial dan pengurusan krisis.

“Guru perlu dibekalkan kemahiran pedagogi berasaskan empati dan nilai supaya mereka bukan hanya menyampaikan ilmu, tetapi menjadi pembimbing jiwa dan pembina karakter pelajar,” katanya.

Beliau juga menegaskan peranan ibu bapa sebagai institusi pendidikan pertama dalam pembentukan emosi dan adab anak-anak.

Oleh itu, beliau mencadangkan agar program literasi keibubapaan diperluas melalui kerjasama Kementerian, institusi agama dan komuniti bagi membantu ibu bapa mendidik anak dalam persekitaran digital masa kini.

Beliau turut menegaskan baha-

wa sistem pendidikan perlu kembali kepada matlamat asal membentuk insan seimbang iaitu berilmu, beriman dan berakhlak mulia.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan penyemakan semula kurikulum kebangsaan bagi memperkukuh elemen pembinaan sahsiah, literasi emosi serta nilai kemanusiaan dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, beliau mencadangkan agar Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) yang berteraskan integrasi ilmu, akhlak dan iman dijadikan rujukan dasar pendidikan di peringkat nasional.

“Model pendidikan berasaskan nilai ketuhanan ini penting untuk

melahirkan generasi rabbani yang bukan sekadar cemerlang akademik, tetapi kukuh spiritual, matang emosi dan luhur akhlaknya,” jelas beliau.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli juga menegaskan bahawa kanak-kanak bukan bahan eksperimen dasar pendidikan.

“Anak-anak adalah amanah Ilahi yang perlu dijaga dengan hikmah dan kebijaksanaan. Jika akar pendidikan bersumberkan iman, dan tanahnya disiram dengan kasih serta ilmu, nescaya akan tumbuh generasi yang menegakkan kebenaran dan membela kemanusiaan,” katanya.



Syarahan PMBI 2025 lahirkan pelapis kepimpinan negeri - Exco Penerangan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 15 Oktober – Pentas Akhir Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2025 yang dianjurkan buat kali ketiga oleh Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), menonjolkan usaha kerajaan negeri

dalam melahirkan pelapis kepimpinan masa hadapan melalui medan pengucapan awam.

Menurut Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, penganjuran program tersebut penting bagi membentuk generasi muda yang berani berucap serta mampu memandu masyar-

akat ke arah kefahaman Islam yang sebenar.

“Persembahan syarahan ini menampilkan adanya pelapis-pelapis kepimpinan masa depan. Semua pemedato hebat bermula dengan latihan pada usia muda.

“Program seperti ini penting untuk membentuk generasi yang berani memandu masyarakat,” katanya ketika merasmikan program

berkenaan di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada UPKN dan barisan juri profesional yang komited menjayakan program tahunan tersebut, sambil berharap agar setiap Dewan Negeri (DUN) dapat melahirkan lebih ramai bakat pengucapan awam di pentas syarahan yang berwibawa.



Pejabat Perikanan Negeri Kelantan serah 650 unit unjam, tingkat pendapatan nelayan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 13 Oktober – Pejabat Perikanan Negeri Kelantan telah melaksanakan Program Penyerahan Unjam kepada Komuniti Nelayan Negeri Kelantan pada tahun ini sebagai salah satu inisiatif memperkukuh sumber perikanan dan meningkatkan pendapatan nelayan di negeri ini.

Menurut kenyataan rasmi Pejabat Perikanan Negeri Kelantan, sebanyak 650 unit unjam dengan kos RM130,000 telah diagihkan kepada komuniti nelayan di empat jajahan utama, melibatkan Jajahan Kota Bharu 225 unit (termasuk 125 unit EFT) dengan kos RM45,000, Jajahan Bachok 225 unit (termasuk 125 unit EFT) dengan kos RM45,000, Jajahan Pasir Puteh 100 unit dengan kos RM20,000 dan Jajahan Tumpat: 100 unit dengan kos RM20,000.

“Program tersebut menyasarkan penglibatan komuniti nelayan



tempatan dari keempat-empat jajahan, selain menggalakkan kehadiran para pemancing rekreasi dari dalam dan luar negeri Kelantan.

“Langkah ini dijangka mampu menjadikan kawasan unjam sebagai lokasi agro-pelancongan baharu sekaligus merangsang ekonomi setempat, kata kenyataan tersebut lagi, program tersebut bertujuan memperbanyakkan sumber perikanan marin melalui pemasangan unjam, iaitu peranti pengumpulan ikan yang bertindak sebagai tempat pembiakan dan perlindungan bagi spesies ikan

laut.

“Di samping itu, langkah ini juga menyasarkan peningkatan hasil tangkapan ikan dan pendapatan para nelayan secara mampan,” kata kenyataan tersebut.

Antara hasil yang dijangka daripada program berkenaan termasuk pemulihan biodiversiti marin secara lestari di perairan Kelantan, menjamin bekalan makanan berasaskan ikan kepada rakyat Negeri Kelantan mencukupi, peningkatan pendapatan nelayan serta penggiat industri hiliran serta mengukuhkan imej Negeri

Kelantan sebagai destinasi rekreasi memancing yang terkenal

Program tersebut sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam memastikan keterjaminan makanan negara, khususnya dalam sektor perikanan, selain menyokong usaha pemuliharaan biodiversiti laut secara menyeluruh dan sistematik.

Sehubungan itu, Pejabat Perikanan Negeri Kelantan yakin usaha tersebut menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor perikanan yang lebih mampan dan memberi manfaat berterusan kepada rakyat negeri ini.

Kelantan harap peruntukan TVET RM7.9 bilion turut rangkumi pelajar YIK



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Oktober – Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat menyambut baik peruntukan besar dalam sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah Belanjawan 2026, khususnya RM7.9 bilion yang turut merangkumi RM45 juta bagi pembinaan modul digital dan kecerdasan buatan (AI) untuk pelajar tahfiz dan pondok kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa kejayaan inisiatif tersebut bergantung kepada pelaksanaan yang inklusif, agar negeri

seperti Kelantan tidak terpinggir dalam fasa pelaksanaan di peringkat teknikal.

“Peruntukan RM45 juta untuk modul digital dan AI bagi pelajar tahfiz dan pondok merupakan langkah signifikan ke arah pemeraksanaan pendidikan Islam berorientasikan masa depan. Namun, kita berharap pelaksanaannya turut melibatkan institusi tahfiz dan sekolah pondok di bawah YIK,” katanya dalam satu hantaran di media sosial pada Selasa.

Mengulas lanjut, beliau turut menggesa agar Program Sekolah Angkat Madani yang diperluas kepada 1,500 sekolah juga melibatkan sekolah agama kendalian YIK.



“Pelajar sekolah agama juga wajar menikmati manfaat pembangunan pendidikan arus perdana,” ujarnya.

Beliau turut menyambut baik peruntukan RM115 juta bagi latihan guru, khususnya bagi persediaan kurikulum baharu 2027 dan peningkatan pedagogi STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).

“Guru-guru YIK juga perlu diberikan ruang untuk terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kurikulum tersebut,” tegasnya.

Dato' Wan Roslan turut menarik perhatian kepada RM3 bilion dana latihan di bawah HRD Corp yang dijangka menyediakan tiga juta peluang latihan dalam teknolo-

gi tinggi, digital dan tenaga boleh baharu.

“Majlis TVET Kelantan perlu mengambil peluang ini. Keperluan tenaga kerja berkemahiran semakin meningkat dan anak-anak muda Kelantan perlu berada di barisan hadapan,” katanya.

Dalam masa sama, beliau menyambut baik peruntukan RM770 juta bagi memperkukuh capaian internet di sekolah dan kawasan perindustrian luar bandar, termasuk di Kelantan.

“Kemudahan digital yang stabil merupakan prasyarat utama untuk pendidikan moden dan ekonomi setempat,” jelasnya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan komited bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pelaksanaan Belanjawan 2026 berjalan lancar di negeri ini.

“Melalui agensi seperti YIK, usaha akan terus digerakkan agar anak-anak di sekolah menengah agama turut menerima manfaat daripada program pendidikan, TVET, digital dan inovasi yang dirancang di peringkat nasional,” ujarnya.

Syarahhan PMBI perkukuh kefahaman MBI dalam kalangan generasi muda –YB Nik Bahrum



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 15 Oktober – Kefahaman dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dalam kalangan generasi muda dapat dihayati secara lebih mendalam melalui program Syarahhan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2025 yang berlangsung di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darul Naim, hari ini.

Program tersebut menyediakan

platform praktikal kepada peserta untuk menjiwai pengucapan awam sambil mengaplikasi nilai-nilai MBI dalam persembahan syarahhan mereka.

Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah menegaskan bahawa pertandingan tersebut menjadi wadah untuk para peserta menghayati dan mendalami intipati dasar MBI

yang menjadi asas pentadbiran kerajaan negeri.

“Semangat dan keberanian untuk berdiri di depan khalayak merupakan wadah melatih keberanian generasi muda serta menjiwai nilai asas Membangun Bersama Islam,” ujarnya.

Program syarahhan itu mengangkat tema “Penghayatan Membangun Bersama Islam” dan memberi tumpuan kepada lima fokus utama kerajaan negeri iaitu Kelantan

Model Pendidikan Rabbani, Tadbir Urus Berkat, Kelantan Negeri Berkebajikan, Pembangunan Ekonomi Mampan, dan Kelantan Model Perpaduan Kaum dan Masyarakat Sejahtera.

Melalui fokus berkenaan, 20 finalis berpeluang menghayati dan menyampaikan mesej dasar MBI dan strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) secara praktikal dalam persembahan mereka.



25 jurulatih kecergasan terima sijil tamat latihan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 15 Oktober – Sebanyak 25 Jurulatih Kecergasan telah menerima sijil tamat latihan masing-masing yang diadakan di Klinik Perubatan Senaman dan Rehabilitasi ACEM, di sini, pada Selasa.

Penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim.

Beliau diringi Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa), Ilvira Mohd Dasuki dan CEO Asia College of Exercise Medicine (ACEM) Profesor Dr. Muhammad Lee.

Dato’ Rohani menyifatkan kumpulan pelatih pertama yang menerima sijil sebagai kumpulan yang bertuah kerana telah dipilih untuk menjadi pelopor dalam usaha memartabatkan senaman mengikut landasan syariah.

“Kita kena rasa dalam hati bahawa Allah SWT telah pilih kita, bukan sahaja untuk keseronokan diri sendiri tetapi sebagai penerus dasar Membangun Bersama Islam



(MBI) dalam konteks sukan dan kesihatan,” katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian.

Menurutnya, pendekatan senaman yang diperkenalkan itu mempunyai keistimewaan kerana ia menitik berat aspek kesihatan dan menjaga batas-batas yang ditetapkan oleh agama.

“Kerajaan Negeri Kelantan juga buat senaman tetapi mengikut kaedah yang dibenarkan syarak, dengan kata lain, patuh syariah,” ujarnya lagi.

Tambahnya, program seumpama itu mencerminkan usaha berterusan kerajaan negeri dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam

semua aspek kehidupan, termasuk kesihatan dan kecergasan.

Dato’ Rohani turut mencadangkan agar setiap program anjuran Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) di peringkat parlimen dimulakan dengan senaman ringan sebagai pembuka tirai, selaras dengan konsep gaya hidup sihat berpaksikan Syariah.

“Insya-Allah akan ada barakah bila kita niat untuk berdakwah melalui senaman yang diluluskan oleh syarak,” tambahanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa latihan kecergasan yang dijalankan melibatkan pengiktira-

fan sijil yang sah, menjadikannya platform profesional untuk mereka yang ingin menceburi bidang kecergasan berlandaskan nilai Islam.

Untuk rekod, program pensijilan jurulatih kecergasan tersebut adalah anjuran bersama Kerajaan Negeri Kelantan, Asia College of Exercise Medicine (ACEM) dan Persatuan Wanita Darulnaim (WARDANI).

Program yang terbuka secara eksklusif untuk wanita sahaja itu telah berlangsung selama lima hari bermula 10 hingga 14 Oktober di Klinik Perubatan Senaman dan rehabilitasi Acem Kota Bharu.



MBI Diperkukuh, Strategi PMBI Diselarar



Oleh: Norzana Razaly

Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmennya untuk terus berpegang teguh kepada dasar Membangun Bersama Islam (MBI) sebagai teras tadbir urus negeri, meskipun berdepan arus liberalisme serta perubahan ideologi kepimpinan semasa di peringkat nasional dan global.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadli Hassan menegaskan bahawa kelangsungan Kelantan sebagai sebuah negeri yang berprinsip adalah faktor pembeza paling jelas antara Kelantan dengan negeri lain.

“Kelantan membawa misi al-amru bil ma’ruf wan nahyu ‘anil munkar, serta seruan mendirikan solat dan menunaikan zakat sebagai asas kepada pembangunan negeri. Itulah yang membezakan kita,” tegasnya ketika berucap dalam Sesi Townhall Pimpinan Kerajaan Negeri bersama Anak Kelantan di Perantauan yang berlangsung di Bangi, pada Ahad, 12 Oktober 2025.

Menurutnya, meskipun Kelantan tidak mengetepikan agenda pembangunan fizikal dan ekonomi seperti negeri lain, namun keutamaannya lebih besar daripada sekadar pencapaian material.

“Kerajaan Negeri menetapkan dua KPI utama iaitu menjaga kebajikan rakyat dan memelihara hubungan baik dengan Allah SWT,” katanya.

Beliau turut menyifatkan kritikan bahawa Kelantan ketinggalan dari segi pembangunan infrastruktur sebagai “pandangan separuh”.

“Mungkin ada yang melihat Kelantan seolah-olah gagal dalam pembangunan fizikal, namun dari sudut pembangunan Islam, kita sebenarnya sedang melangkah ke hadapan,” ujarinya.

PMBI diterjemah dalam bentuk penyelarasan dasar

Komitmen berprinsip ini tidak hanya terhenti pada ucapan, bahkan diterjemahkan kepada tindakan

pentadbiran melalui Taklimat Pencapaian Hala tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024–2028 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada hari yang sama.

Majlis yang dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud itu menghimpunkan semua Ahli Dewan Negeri (ADN) dan Ahli Parlimen (ADR) Kelantan bagi memastikan setiap portfolio exco bergerak selari dengan Pelan Strategik PMBI.

Dalam satu kenyataan, beliau menegaskan, “Taklimat ini adalah wadah penyatuan hala tuju pentadbiran negeri secara bersepadu. Setiap portfolio perlu bergerak seiring dan selari dengan dasar kerajaan negeri Membangun Bersama Islam (MBI) agar keberhasilan yang dirancang dapat dicapai secara holistik.”

Sehubungan itu, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB

Dato’ Wan Roslan Wan Hamat menyifatkan langkah penyelarasan tersebut sebagai “pemacu prestasi yang sudah berada di landasan pelaksanaan yang tepat.”

Nada yang sama dikongsi Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail yang melihat taklimat itu sebagai “ruang muhasabah menyeluruh bagi memanfaatkan baki penggal sebaiknya demi kesejahteraan rakyat.”

Prinsip menjadi panduan, penyelarasan adalah pelaksanaan

Jika ucapan Timbalan Menteri Besar menjadi manifestasi prinsip, maka sesi taklimat PMBI pula membuktikan bahawa prinsip itu diterjemah dalam bentuk mekanisme pentadbiran yang sistematik. Hasilnya, Kelantan konsisten dalam idealisme dan komited memperkukuh struktur pelaksanaannya.

Melalui dua KPI utama yakni kebajikan rakyat dan pemeliharaan hubungan dengan Allah SWT, Kelantan membentuk acuan pembangunan tersendiri yang tidak tunduk kepada penilaian material semata-mata.

Dalam dunia politik yang sering berubah mengikut arus sentimen, Kelantan memilih untuk kekal konsisten antara prinsip dan pelaksanaan. Atas dasar itu, mesejnya jelas:

“Kelantan mungkin tidak paling laju membina bangunan, tetapi kitalah yang paling tekun membina insan.”



Kerjasama agensi penguatkuasa banteras penyeludupan dalam sektor pertanian

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Oktober – Kerjasama erat antara agensi penguatkuasaan dan kerajaan negeri amat penting dalam mendepani cabaran keselamatan makanan dan membanteras kegiatan penyeludupan yang boleh menjejaskan sektor pertanian.

Demikian kenyataan Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail susulan kunjungan hormat Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MA-QIS) Kelantan ke pejabatnya, semalam.

Kunjungan tersebut diketuai pengarahnya Syed Fuad Syed Putra bersama beberapa pegawai kanan jabatan.

Dato' Tuan Mohd Saripudin



menyifatkan kerjasama itu sebagai platform penting bagi memperkukuh kawalan biosekuriti negeri terutama di kawasan sempadan.

“Antara perkara utama yang dibincangkan ialah isu penyeludupan bahan makanan, tumbuhan, haiwan dan bahan kawalan yang berlaku di sempadan negeri. Jika tidak dibendung, ia mampu mengugut keselamatan makanan dan

melemahkan daya saing hasil pertanian tempatan,” katanya dalam satu hantaran di media sosial pada Rabu.

Menurutnya, kedua-dua pihak komited memastikan rantai makanan negeri kekal terkawal, berkualiti serta selamat untuk pengguna sejajar dengan aspirasi kerajaan negeri.

“Kerjasama erat antara agensi amat penting dalam mendepani



cabaran keselamatan makanan serta menangani ancaman penyeludupan yang boleh menjejaskan sektor pertanian negeri,” tegasnya.

Tambahnya, usaha memperkukuh kawalan biosekuriti turut selari dengan strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) serta gerakan Pertanian Al-Falah yang meletakkan pertanian sebagai medan ibadah dan pemangkin ekonomi ummah.

Ahmad Izuddeen, Arif Danish johan Syarahan PMBI 2025



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 15 Oktober – Pentas Akhir Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2025 menyaksikan dua nama muda mencuri perhatian apabila Ahmad Izuddeen Mohammed Anuar Mushoddad dari DUN Dabong dinobatkan sebagai johan Kategori Terbuka dan Muhammad Arif Danish Ahmad Sabrani dari DUN Bukit Panau mendominasi Kategori Cilik.

Lebih menarik, Ahmad Izuddeen turut membawa pulang Anugerah Juri Awam sekali gus

membuktikan kemampuan beliau menambat hati panel profesional dan penonton.

Pelatih Institut Keguruan Kota Bharu itu membawa pulang RM2,000 beserta sijil dan trofi kemenangan dan piala pusingan.

Dalam kategori terbuka juga menyaksikan Ahmad Ramzil Hafizie Rusli (Pulai Chondong) meraih naib johan manakala tempat ketiga dimiliki Siti Aisyah Azhar (Pengkalan Kubor). Rekod tahun lepas mencatat Ahmad Ramzil Hafizie menduduki tempat ketiga.

Sementara Arif Danish pula

menerima hadiah wang tunai RM1,000 berserta sijil, piala pusingan dan piala iringan diikuti Nublah Faqiah Mohd Nazri (Ayer Lanas) diumumkan naib johan, manakala Najlaa' Hasanah Aisyah Ahmad Najme (Ayer Lanas) di tempat ketiga.

Anugerah Juri Awam kategori berkenaan disandang oleh Shafiy Danish dari Chempaka.

Ketua Juri yang juga Pengarah Institut Pengajian Tok Guru (IPTG) Prof Emeritus Dato' Dr. Johari Mat memuji kematangan persembahan para peserta, khususnya dalam aspek gubahan isi, gaya komunikasi dan penguasaan bahasa.

“Interaksi mata, penyampaian mesej yang hidup dan kawalan ‘bunga-bunga bahasa’ adalah kunci mencuri tumpuan pentas,” katanya.

Beliau berharap semua peserta terus mengasah minat dalam dunia syarahan sebagai pewaris legasi kepimpinan pada masa depan.

Turut hadir menzahirkan sokongan kepada para peserta yang mewakili DUN masing-masing ialah Ahli Dewan Negeri (ADN Dabong YB Ku Mohd Zaki Ku Hussin, ADN Bukit Panau YB Dato' Abdul Fattah Mahmood dan ADN Tanjung Mas YB Dato' Rohani Ibrahim.



Guru pelatih IPGM Kota Bharu unggul Syarahan Perdana PMBI 2025



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 16 Oktober – Ketekunan dan minat mendalam dalam dunia syarahan sejak di bangku sekolah akhirnya membuahkan hasil apabila Ahmad Izuddeen Mohammed Anuar Mushoddad, 21, guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Kota Bharu, mengungguli Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2025 bagi kategori Terbuka yang berlangsung di Kompleks Kota Darul Naim, semalam.

Ahmad Izuddeen memaklumkan bahawa beliau kini menjalani

latihan praktikum di Sekolah Kebangsaan Sungai Rual, Jeli yang majoriti muridnya terdiri daripada komuniti orang asli.

Beliau merakamkan pengharagaan kepada juri yang menilai penyampaiannya sebagai berwibawa dan berisi ketika membentangkan tajuk “Kelantan Model Perpaduan Kaum dan Kesejahteraan Rakyat.”

“Dalam syarahan semalam, saya menekankan tiga fokus utama iaitu Pembangunan Rohani Membina Negeri, Perpaduan Asas Kesejahteraan Negeri serta Kesejahteraan Rakyat Hasil Pemerintahan

Islam, selaras dengan tema PMBI tahun ini, Penghayatan Membangun Bersama Islam.

“Masa yang saya manfaatkan adalah tiga hari untuk berlatih. Teks syarahan disiapkan sepenuhnya pada hari Ahad, manakala pentas akhir berlangsung pada hari Rabu,” jelasnya.

Katanya lagi, teks tersebut diolah berasaskan rujukan daripada teks pertandingan yang pernah digunakan sebelum ini. Termasuk merujuk laman media rasmi Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN).

“Walaupun masa agak terhad,

saya berlatih bersungguh-sungguh selepas teks siap pada hari Ahad. Pengalaman syarahan sebelum ini banyak membantu saya menyesuaikan gaya dan intonasi penyampaian,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah, pada Rabu.

Bekas pelajar Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas itu sudah aktif menyertai pertandingan syarahan sejak Tingkatan Dua hingga ke Tingkatan Lima, dan pernah meraih naib johan peringkat kebangsaan semasa di Tingkatan Lima.

Sebagai Johan Syarahan PMBI 2025 Kategori Terbuka, Ahmad Izuddeen membawa pulang wang tunai RM2,000 berserta sijil penghargaan, piala pusingan dan trofi iringan sebagai pengiktirafan bakat dan keterampilannya di pentas orator.

Beliau juga terharu dan berterima kasih kepada Ahli Dewan Negeri (ADN) Dabong YB Ku Mohd Zaki Ku Hussin atas kehadiran pemimpin berjiwa rakyat itu untuk menyokongnya.



Syarahan PMBI 2025: Pelajar SK Belimbing raih Johan Kategori Cilik

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 16 Oktober – Pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Belimbing, Tanah Merah Muhammad Arif Danish Ahmad Sabrani, 11, mencipta kejayaan membanggakan apabila dinobatkan sebagai Johan Kategori Cilik dalam Pertandingan Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2025.

Anak muda dari DUN Bukit Panau itu tampil dengan syarahan bertajuk “Kelantan ke Arah Pembinaan Tamadun Berteraskan Islam”, menekankan bahawa pembangunan sebenar bukan sekadar membina bangunan dan teknologi, tetapi membina iman, akhlak dan maruah bangsa.

“Pencapaian lebih tiga dekad Membangun Bersama Islam (MBI) adalah satu perkara yang positif dalam pembinaan tamadun Negeri Kelantan. Membangun Bersama Islam bukan satu pilihan, tetapi satu kewajipan. Hasrat negeri Kelantan untuk mewujudkan sebuah neg-



eri baldatun toyyibatul warabbul ghaffur bukan lagi satu aspirasi yang jauh daripada realiti,” tegasnya ketika menyampaikan syarahan di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

Menurut Arif Danish, beliau hanya mengambil masa tiga hari untuk berlatih syarahan kerana sebelum ini perlu menumpukan perhatian kepada peperiksaan di sekolah.

Sementara itu, ibunya, Wan Noorizyani Md Pareri berkata, teks syarahan anaknya dikarang ber-

sama-sama dengan merujuk buku terbaharu keluaran Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (PKS).

“Teks syarahan Arif Danish dikarang dan disusun bersama-sama berasaskan Buku Kejayaan Pentadbiran Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan: ‘Daripada Merakyat kepada Penghayatan’, keluaran terbaharu tahun 2025 oleh Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan yang dibeli ketika sesi taklimat kepada peserta akhir,” jelasnya.

Beliau dan anaknya terharu apabila turut diiringi Ahli Dewan Neg-

eri (ADN) Bukit Panau YB Dato’ Abdul Fattah Mahmood ketika menerima replika cek cura wang tunai RM1,000, sijil penghargaan, piala pusingan serta trofi kemenangan.

Tambahnya, pertandingan itu merupakan kali pertama anaknya menyertai syarahan, namun Arif Danish sudah pun mencatat kejayaan sebelum ini apabila meraih naib johan Pidato Kebersihan Persekitaran 2024 anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.



Program Big Hero lahirkan ketua keluarga bertanggungjawab

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 16 Oktober - Program Big Hero anjuran Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) merupakan program ilmu, khusus untuk kaum lelaki dalam usaha melahirkan ketua keluarga yang bertanggungjawab.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, lelaki sebagai ketua keluarga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keluarga.

Maka katanya, lelaki hendaklah mencari ilmu untuk menguruskan hal yang berkaitan keluarga.

"Sebab itu kerajaan ambil tanggungjawab dengan menganjurkan program sebegini.

Kita undang ketua-ketua keluarga untuk program big hero ini untuk memastikan ketua keluarga mempunyai kaedah untuk membawa keluarga kearah jalan yang betul, seterusnya membentuk keluarga mawaddah.

"Kita mahu ketua-ketua keluarga yang berada dalam program ini dapat menambah nilai kepimp-



inan sebagai ketua keluarga," katanya ketika berucap merasmikan Program Big Hero 2025 di Dewan Jubli Perak Sultan Ismail Petra Panji, hari ini.

Untuk rekod, program Big Hero diperkenalkan sejak 2014 di bawah kelolaan U-KEKWA dengan nama Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga khusus untuk kaum lelaki selaku ketua keluarga dan organisasi.

Program berkenaan telah beri nafas baharu dengan beberapa penambahbaikan.

Program Big Hero juga diada-

kan bersama ketua keluarga yang dalam proses pemulihan dari pusat tahanan sebelum kembali kepada keluarga.

Tambah Dato' Rohani, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah menganjurkan pelbagai program untuk kesejahteraan keluarga di negeri ini.

"Selain program Big Hero, kerajaan negeri turut menganjurkan pelbagai program lain untuk kesejahteraan keluarga di negeri ini.

"Antaranya Sambutan Hari Keluarga Mawaddah, Sambu-

“

Kita undang ketua-ketua keluarga untuk program big hero ini untuk memastikan ketua keluarga mempunyai kaedah untuk membawa keluarga kearah jalan yang betul, seterusnya membentuk keluarga mawaddah,”

tan Hari Suami Isteri, Sambutan Hari Ibu Bapa yang khusus kepada golongan lelaki samada suami atau ayah.

"Ringkasnya, kerajaan negeri telah dan akan sentiasa berfikir, merancang dan melaksanakan bermacam-macam program dan bantuan untuk melihat semua rakyat Kelantan bahagia di dunia ini dan selamat di akhirat kelak," ujarnya.

Hadir sama, timbalan nya, YB Nor Asilah Mohamed diiringi Pengarah U-KeKWa Ilvira Mohd Dasuki.





Program Big Hero lahirkan ketua keluarga bertanggungjawab

Kelantan lonjak bakat bola sepak muda ke peringkat lebih tinggi – YB Zamakhshari

Oleh: Syamimi Manah

BANGI, 14 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus memberi perhatian terhadap pembangunan bakat anak muda dalam bidang bola sepak bagi memastikan potensi mereka dapat digilap ke peringkat lebih tinggi.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, cabaran utama dalam bola sepak kini adalah proses pemulihan pasukan The Red Warriors (TRW) selepas badan induk Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) digantung.

“Kerajaan negeri sedang berusaha membantu KAFA kembali stabil supaya pasukan bola sepak Kelantan dapat diurus semula dengan baik,” katanya ketika sesi Townhall Pimpinan Kerajaan Negeri bersama Anak Kelantan di Per-



antauan, di sini, pada Ahad.

Sebagai usaha memperkukuh pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi, kerajaan negeri telah melaksanakan Liga Elit DUN (LED).

Program tersebut melibatkan 45 Dewan Negeri (DUN dengan penyertaan kira-kira 400 pasukan, khusus untuk pemain berusia 25 tahun ke bawah. Kejohanan itu menjadi platform penting untuk men-



genal pasti dan mengasah bakat baharu di seluruh negeri.

Menurut YB Zamakhshari, pasukan yang menunjukkan prestasi cemerlang di peringkat LED akan bersaing dalam Piala Menteri Besar (MB), yang menghimpunkan pasukan terbaik dari seluruh Kelantan dan menjadi medan penilaian untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

“Kerajaan negeri juga mer-

ancang memberi sumbangan kepada pemenang Piala MB untuk menyertai Liga A3 dan bersaing dengan pasukan lain di peringkat lebih profesional.

Tambahnya, selain bola sepak, Kelantan turut memperkukuh pembangunan e-sukan melalui pelbagai program dan pertandingan yang memberi peluang kepada anak muda mengasah kemahiran serta bersaing secara sihat.

Semangat kesukanan, ukhuwah warnai Karnival Sukan Mahasiswa Kelantan di perantauan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Oktober – Suasana meriah dan penuh semangat kekeluargaan menyelubungi Talent Champs Sports Complex, Kajang apabila ratusan anak-anak Kelantan di perantauan berhimpun sempena Karnival Sukan Mahasiswa Kelantan, pada Sabtu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, karnival yang menghimpunkan

mahasiswa Kelantan dari pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) itu menjadi wadah memperkukuh ukhuwah, semangat berpasukan dan jati diri sebagai anak jati Kelantan.

Katanya walaupun jauh dari kampung halaman, wajah-wajah anak Kelantan yang hadir jelas membawa identiti dan semangat ‘anak Kelate’ yang tidak pernah luntur, berpegang teguh pada nilai asal-usul, kuat semangat dan bersedia menyumbang kepada negeri

walau di mana mereka berada.

“Teruskan menimba ilmu, menjaga akhlak, dan mengukuhkan hubungan sesama anak Kelantan. Anda semua adalah harapan masa depan negeri Kelantan. Teruskan berusaha dan kekalkan semangat kebersamaan yang ditunjukkan hari ini.

“Tahniah turut diucapkan kepada semua peserta, pemenang serta barisan urus setia atas kejayaan menjayakan karnival ini,” ujar beliau menerusi catatan di media so-

sial miliknya pada Ahad.

Program anjuran Urus Setia Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan (U-BeS) berjalan lancar dengan penyertaan aktif 100 mahasiswa dari pelbagai IPT sekitar Lembah Klang.

Acara sukan yang dipertandingkan dalam karnival tersebut ialah badminton dan futsal. Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh YB Zamakhshari dan diringi Timbalan Pengarah U-BeS Mohd Firdaus Mohamed Nawi.

